

PERTANDINGAN MEMANCING TERBUKA UMS

Pada 5 April 2008 yang lalu, satu Pertandingan Memancing Terbuka Universiti Malaysia Sabah telah berjaya dijalankan. Pertandingan anjuran Pelajar Sains Sukan Tahun 2, major pengurusan ini diketuai oleh Mohd Hakimi Saad selaku pengarah program. Pertandingan tersebut telah dijalankan dari pukul 9 pagi hingga 12 tengahari bertempat di Outdoor Development Centre, Universiti Malaysia Sabah (ODEC,UMS).

Seramai 90 orang peserta termasuk pelajar UMS dan orang luar telah menyertai pertandingan ini. Pemenang pertama iaitu Encik Mohd Hafiz Daud, mahasiswa UMS sendiri telah membawa pulang wang tunai RM150, hamper dan hadiah sampingan lain termasuk baucer penginapan di Sulaman Lake Resort Tuaran, joran dan reel serta barangan lain. Tempat kedua pula telah dimenangi oleh Encik Miasin Sani dan membawa pulang wang tunai RM100, hamper dan hadiah sampingan lain manakala tempat ketiga, Sdra. Hamirul Shah Putera bin Hamzah membawa pulang wang tunai RM50, hamper dan hadiah sampingan lain. Hadiah telah disampaikan oleh Pensyarah Sukan dan Rekreasi SPPS yang juga penasihat program, Encik Mohamad Nizam Bin Hj. Nazarudin. Syabas kepada para pemenang dan tahniah kepada para penganjur kerana telah menjayakan program ini.

